

Ahli politik digesa henti pertikai tindakan DBKL

Kuala Lumpur: Semua pihak termasuk ahli politik perlu menghentikan pertikaian berhubung tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap papan tanda premis perniagaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata Malaysia mengamalkan prinsip keluhuran undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasa untuk memastikan keadilan serta keharmonian dalam masyarakat terjamin.

“Semua pihak tanpa mengira latar belakang, perlu untuk mematuhi undang-undang dan peraturan berkenaan.

“DBKL melalui Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menetapkan penggunaan bahasa kebangsaan perlu diutamakan pada papan tanda premis.

“Huruf-huruf dan perkataan-perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah diberi ke-

utamaan dan hendaklah dari saiz yang lebih besar daripada huruf-huruf atau tulisan perkataan dalam bahasa lain,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, papan tanda juga perlu mendapatkan pengesahan visual dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terlebih dahulu sebagai dokumen wajib untuk memohon kelulusan DBKL.

“Tindakan penguatkuasaan oleh DBKL ini dalam pengetahuan saya selaku menteri yang bertanggungjawab terhadap Wilayah Persekutuan.

“Keputusan ini konsisten de-

ngan pendekatan yang diambil sejak isu Jalan Silang sebagai Mini Dhaka berbangkit lagi,” katanya.

“Antara kesalahan yang dikenakan tindakan ialah penggunaan papan tanda yang tidak mendapat permit dari DBKL atau papan tanda yang dipaparkan tidak mengikut kelulusan permit yang diberikan.

“Notis juga diberikan dalam tempoh yang munasabah kepada pemilik premis untuk mengambal tindakan sebelum penguatkuasaan dibuat.

“Ingin ditegaskan, penguat-

“Semua pihak tanpa mengira latar belakang, perlu untuk mematuhi undang-undang dan peraturan berkenaan”

Dr Zaliha Mustafa,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)



kuasaan ini tugas rutin DBKL yang sepatutnya dilaksanakan sejak dahulu lagi,” katanya.

Dr Zaliha berkata, penguatkuasaan dilakukan bukan atas desakan mana-mana pihak atau individu, tetapi atas dasar memastikan peraturan yang berkuat kuasa dipatuhi.

“Saya meminta semua pihak, termasuk ahli politik, agar menghentikan polemik ini. Kita mempunyai banyak agenda penting untuk diberi perhatian, dan bermain dengan sentimen perkauman seperti ini hanya akan mewujudkan polarisasi yang memecahbelahkan rakyat sahaja.

“Menjelang Kepengerusan ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026, kita perlu bersama-sama mengangkat martabat bahasa kebangsaan sebagai imej negara. Kuala Lumpur, sebagai pintu masuk utama negara seharusnya mencerminkan identiti nasional yang menonjolkan bahasa kebangsaan kita dengan jelas dan bangga,” katanya.